

RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

ANTIBIOTIK-ANTIBIOTIK

Azithromycin Clarithromycin Erythromycin



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE



Adding years of healthy life



 Alexandra Health



Ju



SINGHEALTH / PIL / M100R0

MENGENAI ubat anda

Azithromycin, Clarithromycin dan Erythromycin digunakan untuk merawat jangkitan-jangkitan.

BAGAIMANAKAH saya mengambil ubat ini?

Erythromycin paling sesuai diambil dengan satu gelas air penuh ketika perut kosong (1 jam sebelum atau 2 jam selepas makanan). Jika ketidakselesaan perut berlaku, ubat ini boleh diminum dengan makanan. Untuk pesakit yang mengambil tablet berselaput enterik, telan tablet sepenuhnya. Jika anda tidak pasti jenis kapsul atau tablet yang anda sedang minum, tanya ahli farmasi anda.

Clarithromycin boleh diambil dengan makanan atau selepas makan.

Azithromycin patut diambil dengan makanan atau selepas makan.

Jangan makan ubat-ubat ini bersama dengan antasid kerana antasid akan mengurangkan keberkesanan ubat ini. Ambil ubat-ubat ini sekurang-kurangnya 1 jam sebelum atau 2 jam selepas antasid.

Makan dos-dos pada masa tetap pada waktu siang dan malam. Habiskan semua ubat yang dipreskripsi untuk anda walaupun anda mula berasa keadaan bertambah baik selepas beberapa hari. Simptom-simptom anda mungkin mula bertambah baik sebelum jangkitan dirawati sepenuhnya.

Apakah yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda terlupa makan ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingati. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau makan ubat yang berlebihan untuk menggantikan dos yang terlupa. Jika anda sudah terlupa beberapa dos, sila dapatkan nasihat daripada doktor anda.

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin bagi ubat ini?

Kesan-sesan sampingan biasa untuk ubat-ubat ini termasuk kesakitan perut, kekejangan otot, mual dan muntah. Tompok-tompok putih pada mulut mungkin juga boleh berlaku.

Kesakitan kepala mungkin berlaku selepas makan Clarithromycin.

Hentikan ubat-ubat ini segera dan jumpa doktor jika simptom-simptom ini berlaku: kekejangan atau sakit perut, ketegangan perut, cirit-birit (najis bercair, teruk, kemungkinan berdarah), sukar bernafas, ruam kulit atau kebengkakan muka, mulut, leher, tangan dan kaki.

Apakah TINDAKAN BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda sedang makan sebarang ubat yang lain, sediaan-sediaan jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.

Anda mesti memberitahu doktor anda jika anda pernah mengalami tindakan alahan terhadap sebarang ubat-ubat lain atau jika anda berlakunya alahan semasa makan ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk: kebengkakan muka/mata/bibir, susah bernafas atau ruam kegatalan kulit yang merebak.

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusui anak, sedang hamil atau mungkin akan hamil semasa khusus rawatan.

Tanya doktor anda jika simptom-simptom anda tidak bertambah baik dalam masa beberapa hari atau bertambah teruk.

Bagaimanakah patut saya SIMPAN ubat ini?

Simpan ubat di tempat yang kering pada suhu bilik, jauh dari haba dan cahaya matahati langsung. Jangan simpan ubat-ubat anda di dalam peti sejuk kecuali diarahi oleh doktor untuk berbuat demikian.